



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 OCTOBER 2016

Najib akan jumpa Presiden, PM China

um - 28/10/2016

PUTRAJAYA 27 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden China, Xi Jinping serta mengadakan mesyuarat dua hala bersama Perdana Menteri China, Li Keqiang dalam lawatan rasmi ke China dari 31 Oktober hingga 6 November ini.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan, delegasi Perdana Menteri akan disertai isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, beberapa Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri serta pegawai-pegawai kementerian dan agensi berkaitan.

Kata kenyataan itu, program lawatan Perdana Menteri di Beijing termasuk majlis sambutan rasmi di Great Hall of The People, mesyuarat dua hala dengan Perdana Menteri China, Li Keqiang dan majlis makan malam yang dihoskan oleh Perdana Menteri China pada 1 November.

"Perdana Menteri akan mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden China, Xi Jinping pada 3 November dan diikuti majlis makan malam dihoskan oleh Presiden China serta isterinya, Peng Liyuan.

"Perdana Menteri juga akan menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi National People's Congress of the People's Republic of China, Zhang Dejiang dan pemimpin-pemimpin utama China di peringkat wilayah," kata kenyataan itu di sini hari ini.

Jelas kenyataan itu lagi, antara perkara bakal dibincangkan dalam mesyuarat Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin China termasuk kerjasama dua hala dalam bidang pendidikan, pertahanan, pertanian, perdagangan dan pelaburan, pelancongan, kebudayaan, sains dan

teknologi, dan hubungan antara rakyat dengan rakyat.

"Beberapa memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan akan dimeterai atau ditukar semasa lawatan tersebut, majlis-majlis ini akan disaksikan oleh kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan China," ujar kenyataan itu.

Selain mesyuarat dua hala, Perdana Menteri juga dijadualkan mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan terkemuka Malaysia dan China serta menyampaikan ucap tama dalam Forum Perniagaan Malaysia-China.

Kata kenyataan itu, Perdana Menteri dijangka menyaksikan pemeteraian beberapa perjanjian perniagaan antara syarikat-syarikat Malaysia dan China selain mengadakan perjumpaan dengan komuniti dan pelajar Malaysia di China.

Lawatan ke China kali ini merupakan lawatan ketiga buat Perdana Menteri sejak 2009 dengan Malaysia dengan China menikmati hubungan dua hala yang kukuh dan mesra.

Malaysia dan China menjalinkan kerjasama erat merangkumi bidang-bidang utama termasuk politik, ekonomi, perdagangan, pertahanan dan keselamatan di bawah Perkongsian Strategik Komprehensif

China merupakan rakan dagang terbesar Malaysia sejak 2009 dengan jumlah perdagangan tersebut pada tahun lalu adalah sebanyak AS\$59.12 bilion (RM230.89 bilion) iaitu 15.8 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan negara.

Lawatan Perdana Menteri dijangka bukan sahaja mengukuhkan lagi hubungan kerjasama dua hala Malaysia dan China tetapi juga kerjasama dalam menangani isu-isu serantau dan antarabangsa.